Buletin SK 10(2)(2026): 148-156
https://doi.org/10.17576/bsk-2026-10(2)-08 ISSN 2250-1852

Artikel Asli /Original Article

Penilaian Tahap Kesedaran dan Persepsi Mahasiswa Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap Kaedah Pembayaran *Buy Now, Pay Later* (BNPL)

A Study on the Level of Knowledge and Perceptions of Buy Now, Pay Later (BNPL) Payment Methods among Students of the Faculty of Health Sciences, Universiti Kebangsaan Malaysia

HENG SI YEE[1], NOR SHAFIKAH SYAMSHUL IRWAN[1], NUR SHUHADA ROMLI[1], NUR YASMIN MOHD YUSOF[1] & SITI SHAHARA ZULFAKAR[1]*

[1] Environmental Health and Industrial Safety Program, Center for Toxicology and Health Risk Studies, Faculty of Health Sciences, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, 50300 Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author; email: sitishahara.zulfakar@ukm.edu.my

Received date: 31 July 2026
Revised date: 17 October 2026
Accepted date: 23 October 2026
Published date: 26 October 2026

ABSTRAK

Peningkatan penggunaan kaedah pembayaran 'Beli Dahulu Bayar Kemudian' (*Buy Now, Pay Later;* BNPL) dalam kalangan mahasiswa universiti telah menimbulkan kebimbangan terhadap tahap kesedaran kewangan dan amalan kewangan yang bertanggungjawab. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kesedaran dan persepsi mahasiswa Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap penggunaan kaedah pembayaran BNPL tersebut. Analisis deskriptif dan inferensi dijalankan untuk menilai tahap kesedaran, persepsi serta hubungan antara kedua-duanya terhadap penggunaan BNPL. Terdapat seramai 86 orang mahasiswa yang telah terlibat sebagai responden bagi kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden (> 96.0%) mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tentang penggunaan BNPL. Manakala hanya 16.3% responden yang mempunyai persepsi positif terhadap BNPL. Analisis inferensi mendapati tiada perkaitan yang signifikan (p <0.05) antara jumlah elaun bulanan peribadi mahasiswa dengan persepsi mereka terhadap penggunaan BNPL. Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan hanya terdapat hubungan korelasi lemah dan tidak signifikan di antara tahap kesedaran dengan tahap persepsi mahasiswa terhadap penggunaan BNPL (r =0.198, p <0.05). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa Fakulti Sains Kesihatan UKM mempunyai tahap kesedaran yang tinggi mengenai BNPL, namun mempamerkan persepsi yang sangat berhati-hati dan kurang positif terhadap penggunaannya. Ketiadaan perkaitan yang signifikan antara faktor elaun atau tahap kesedaran dengan persepsi ini mencerminkan sikap waspada yang menyeluruh dalam kalangan responden tanpa mengira latar belakang kewangan mereka. Kajian ini juga menekankan kepentingan peningkatan literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti bagi memastikan penggunaan perkhidmatan "Beli Dahulu, Bayar Kemudian" yang lebih berinformasi dan bertanggungjawab.

Kata Kunci: 'Beli Dahulu, Bayar Kemudian', kesedaran kewangan, kaedah pembayaran, mahasiswa, persepsi.

ABSTRACT

The increasing use of 'Buy Now, Pay Later' (BNPL) payment methods among university students has raised concerns regarding their level of financial awareness and responsible financial practices. Accordingly, this study aims to assess the level of knowledge and perceptions of students from the Faculty of Health Sciences, Universiti Kebangsaan Malaysia, towards the use of the BNPL payment method. Descriptive and inferential analyses were conducted to evaluate the students' level of knowledge, perceptions and the relationship between both variables regarding BNPL usage. A total of 86 students participated as respondents in this study. The findings indicate that the majority of respondents (> 96.0%) possess a high level of knowledge about BNPL usage. Meanwhile, only 16.3% of respondents hold a positive perception of BNPL. Inferential analysis revealed no significant association (p < 0.05) between the students' monthly personal allowance and their perceptions of BNPL usage. Additionally,

Copyright © 2026 Faculty of Health Science UKM. All right reserved

the findings also showed only a weak and non-significant correlation between the level of knowledge and the students' level of perception towards BNPL usage ($r = 0.198$, $p < 0.05$). In conclusion, this study demonstrates that the majority of students from the Faculty of Health Sciences, UKM have a high level of knowledge regarding BNPL, yet they exhibit a highly cautious and less positive perception toward its use. The absence of a significant relationship between allowance factors or knowledge levels and these perceptions reflects a widespread cautious attitude among respondents, regardless of their financial backgrounds. This study also emphasizes the importance of enhancing financial literacy among university students to ensure a more informed and responsible utilization of "Buy Now, Pay Later" services.

Keywords: 'Buy Now Pay Later', financial literacy, payment method, university's students, perception.

PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi kewangan telah membawa transformasi yang signifikan dalam sistem pembayaran di peringkat global dan nasional seperti inovasi yang mempermudahkan dan memperluas akses kepada pembayaran digital serta menggantikan kaedah tradisional dalam sistem pembayaran global dan nasional (Binu & Athira 2025). Sistem pembayaran digital merangkumi e-dompet (*e-wallet*), perbankan dalam talian, perbankan mudah alih serta sistem pembayaran segera yang membolehkan transaksi dijalankan dengan lebih pantas dan selamat melalui peranti elektronik (Bank Negara Malaysia 2024*)*.

Di Malaysia, penggunaan e-pembayaran menunjukkan peningkatan yang signifikan dari tahun ke tahun dan mencerminkan peralihan masyarakat ke arah sistem pembayaran digital. Berdasarkan laporan tahunan Bank Negara Malaysia 2024, jumlah e-pembayaran transaksi meningkat kepada 14.7 bilion transaksi pada 2024, berbanding 11.5 bilion pada 2023, dengan nilai keseluruhan transaksi e-pembayaran runcit terpilih mencapai RM698.1 bilion pada tahun yang sama. Menurut Fintech News Malaysia (2025), pertumbuhan ini turut ditunjukkan dari segi purata transaksi per kapita, di mana rakyat Malaysia kini telah melakukan sekitar 409 transaksi e-pembayaran per orang setahun, berbanding 343 transaksi pada 2023 menunjukkan peningkatan penggunaan pembayaran digital dalam kehidupan harian.

Berdasarkan laporan yang telah dikeluarkan oleh Ipsos Malaysia (2025), kadar penggunaan e-dagang di Malaysia telah meningkat sebanyak 16%, dengan hampir dua pertiga rakyat Malaysia kini melakukan pembelian secara dalam talian. Pertumbuhan ini merangkumi semua peringkat umur, dengan golongan berusia 25 hingga 34 tahun muncul sebagai pengguna paling aktif. Peningkatan aktiviti e-dagang ini secara langsung mendorong kepada penggunaan sistem pembayaran digital, khususnya dalam kalangan generasi muda yang lebih terdedah kepada teknologi dan transaksi tanpa tunai. Golongan muda didapati lebih cenderung menerima teknologi pembayaran digital kerana mereka menilai sistem tersebut sebagai mudah digunakan, menjimatkan masa dan selari dengan gaya hidup digital mereka yang aktif (Al-Qudah et al. 2024).

Buy Now, Pay Later (BNPL) telah muncul sebagai salah satu inovasi utama dalam teknologi kewangan yang semakin mengubah kaedah pembayaran dalam e-dagang dengan membolehkan pengguna menangguhkan pembayaran tanpa faedah dalam jangka pendek, meningkatkan fleksibiliti kewangan dan pengalaman membeli belah dalam atas talian (Singh & Sahni 2024). *Buy Now, Pay Later* bukan sekadar kredit tradisional, tetapi juga berperanan sebagai alat strategi pemasaran yang mampu menarik minat pengguna, terutamanya dengan kemudahan akses, fleksibiliti ansuran serta proses yang mudah dan cepat (El Hasan 2025).

Kajian empirikal juga menunjukkan bahawa mekanisme BNPL mempunyai impak yang signifikan terhadap retensi pelanggan dalam perdagangan digital, di mana faktor seperti kadar faedah yang rendah dan had kredit yang lebih tinggi menyokong keterlibatan berterusan pengguna dalam perkhidmatan ini (Lim, Tan & Lew 2025). Secara khusus, pengguna muda lebih cenderung menggunakan BNPL kerana mereka menghargai fleksibiliti pembayaran yang ditawarkan dan sering mengaitkannya dengan peningkatan kebebasan membeli belah yang tidak terikat dengan kaedah bayaran tradisional.

Namun begitu, perkembangan pesat BNPL juga dikaitkan dengan perubahan dalam tingkah laku pengguna, termasuk peningkatan pembelian impulsif dan peralihan daripada pembelian berdasarkan keperluan kepada pembelian berasaskan keinginan, yang dilihat mempengaruhi corak perbelanjaan generasi muda secara ketara (Ananda & Pramesthi 2025). Tambahan pula, penggunaan BNPL turut menimbulkan cabaran dari sudut literasi kewangan kerana sebahagian pengguna muda mendapati istilah dan implikasi jangka panjang perkhidmatan ini kurang difahami, sekali gus meningkatkan risiko pengurusan kewangan yang kurang bercadang (Sarifuddin 2025).

Literasi kewangan merujuk kepada set kemahiran dan pengetahuan individu tentang konsep kewangan asas yang membolehkan individu untuk membuat pengiraan dan menguruskan kewangan dalam kehidupan seharian keputusan yang berpengetahuan dan berkesan dengan semua sumber kewangan mereka (Lusardi & Mitchell 2023). Dalam konteks pelajar universiti, literasi kewangan

adalah penting kerana pemahaman terhadap pengurusan kewangan di universiti mencorakkan penggunaan teknologi berkepentingan dalam menguruskan kewangan mereka. Tahap literasi kewangan mahasiswa kini di Malaysia adalah pelbagai. Terdapat kajian yang mendapati bahawa tahap literasi kewangan mahasiswa adalah tinggi (Nor Syahidah & Norasmah 2017). Namun, terdapat juga kajian yang mendapati mahasiswa mempunyai tahap literasi kewangan yang sederhana terutama bagi kesedaran tentang aspek hutang (Yasmin & Anuar (2017). Selain itu, dapatan kajian oleh Rafdi et al. (2023) menunjukkan bahawa pendedahan pelajar terhadap pengurusan kewangan peribadi dapat meningkatkan keupayaan serta keyakinan mereka dalam mengurus dan merancang kewangan sendiri. Kesedaran kewangan yang dimiliki membolehkan pelajar membuat perancangan kewangan dengan lebih sistematik dan berhemat.

Kekurangan kajian empirikal secara khusus yang meneliti persepsi penggunaan produk kewangan berasaskan hutang seperti "Beli Dahulu, Bayar Kemudian" (BNPL) dalam kalangan mahasiswa Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia ini menimbulkan persoalan penting mengenai tahap kesedaran dan persepsi mereka terhadap kesan kewangan berhubung dengan pengambilan hutang. Oleh itu, mahasiswa merupakan golongan yang perlu diberikan perhatian khusus kerana mereka sedang membina asas pengurusan kewangan peribadi dan pada masa yang sama bakal menghadapi cabaran kewangan yang lebih rumit apabila melangkah ke alam pekerjaan. Komitmen seperti hutang pendidikan, peningkatan kos sara hidup dan kemudahan akses kepada kemudahan kredit berpotensi memberi kesan jangka panjang terhadap kestabilan kewangan mereka (Fan & Ryu 2023). Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk menilai tahap kesedaran dan persepsi mahasiswa Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap penggunaan kaedah pembayaran *Buy Now, Pay Later* (BNPL).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk keratan rentas melalui edaran borang selidik secara dalam talian menggunakan *Google Form*. Populasi kajian terdiri daripada mahasiswa prasiswazah Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (FSK, UKM). Instrumen kajian yang digunakan adalah diadaptasi daripada kajian Aminullah dan Daud (2024) (item pengukuran kesedaran) dan kajian oleh Razali (2023) (item pengukuran persepsi). Instrumen kajian dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu: **Bahagian I**: Demografik, yang merangkumi jantina, umur, bangsa, tahun pengajian, elaun bulanan serta pengalaman menggunakan kaedah pembayaran *Buy Now, Pay Later* (BNPL); **Bahagian II**: Tahap Kesedaran, yang mengandungi soalan berbentuk pilihan Ya/Tidak bagi menilai pemahaman responden terhadap konsep, risiko dan ciri-ciri *Buy Now, Pay Later (*BNPL); **Bahagian III:** Persepsi, yang mengandungi item penilaian menggunakan skala likert lima mata iaitu 1 = Tidak Setuju, 2 = Kurang Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju bagi menilai pandangan responden terhadap penggunaan *Buy Now, Pay Later* (BNPL). Data yang diperoleh dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 30. Hubungan korelasi antara tahap pengetahuan dan persepsi mahasiswa terhadap BNPL dianalisis dengan menggunakan ujian korelasi Spearman, manakala hubungkait di antara elaun bulanan dengan persepsi mahasiswa terhadap BNPL dianalisis dengan menggunakan *Fisher-Freeman-Halton Exact Test*.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kebanyakan kajian literasi kewangan dan kredit digital terdahulu banyak tertumpu kepada populasi umum atau mahasiswa aliran perniagaan dan ekonomi (Chen & Volpe 1998; Ergün 2018). Sebaliknya, mahasiswa bidang sains kesihatan melalui kurikulum profesional yang padat dengan bebanan klinikal dan makmal, serta lazimnya tidak didedahkan kepada pendidikan kewangan formal (Park & Ihm 2026). Pada masa yang sama, penempatan mereka di kampus bandar mendedahkan mereka kepada kos sara hidup yang tinggi serta perkembangan teknologi e-dagang yang meluas. Oleh itu, meneroka kefahaman dan persepsi kumpulan ini terhadap skim kredit mikro seperti *Buy Now, Pay Later* (BNPL) adalah penting bagi menilai daya tahan kewangan bakal profesional kesihatan yang berdepan dengan corak kewangan moden tanpa pendidikan formal asas tentang pengurusan kredit. Seramai 86 mahasiswa Fakulti Sains Kesihatan, UKM (FSK) telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini dengan majoriti terdiri daripada mahasiswa wanita (84.9%) (Jadual 1). Kebanyakan responden (35 orang, 40.7%) memperoleh elaun bulanan kurang daripada RM600. Selain itu, hanya seramai seramai 36 responden (41.9%) yang menyatakan pernah menggunakan kaedah pembayaran *Buy Now, Pay Later* (BPNL).

Di kalangan responden yang pernah menggunakan BNPL (n=36) (Jadual 2), didapati bahawa majoriti responden adalah merupakan pengguna baru iaitu dengan tempoh penggunaan kurang daripada setahun (72.2%). Trend ini menunjukkan bahawa kaedah pembayaran BNPL merupakan satu fenomena kewangan digital yang baru sahaja mendapat tempat secara meluas dalam kalangan mahasiswa sejak kebelakangan ini. Selain itu, hasil dapatan kajian ini juga mendapati bahawa mahasiswa cenderung menggunakan BNPL bagi

tujuan pembelian dengan komitmen ansuran bulanan rendah iaitu di bawah RM250 (83.3%). Namun, terdapat juga segelintir responden yang mempunyai komitmen ansuran lebih daripada RM 1000 (5.6%). Taburan data ini menggambarkan bahawa sebilangan besar responden masih mengekalkan tahap komitmen hutang yang rendah. Hal ini mencerminkan corak perbelanjaan yang masih berada dalam kawalan kapasiti kewangan sebagai seorang pelajar yang kebiasaannya mempunyai pendapatan bulanan yang terhad.

Hasil kajian juga mendapati bahawa tahap kesedaran mahasiswa FSK UKM terhadap kaedah pembayaran BNPL adalah tinggi (Jadual 3). Majoriti responden (98.8%) memahami konsep asas penggunaan BNPL yang membolehkan pengguna memperoleh barangan sebelum melunaskan bayaran secara ansuran.

JADUAL 1 Latar belakang responden (N=86)

ITEM	KATEGORI	BILANGAN (N)	PERATUS (%)
Jantina	Wanita	73	84.9
	Lelaki	13	15.1
Umur	18-20 tahun	24	27.9
	21-23 tahun	59	68.6
	24-26 tahun	2	2.3
	27-29 tahun	0	0.0
	30 tahun dan keatas	1	1.2
Bangsa	Melayu	56	65.1
	Cina	25	29.1
	India	5	5.8
Tahun pengajian	Tahun 1	15	17.4
	Tahun 2	21	24.4
	Tahun 3	46	53.5
	Tahun 4	4	4.7
Elaun Bulanan	< RM 600	35	40.7
	RM 601 – RM 900	26	30.2
	> RM 901	25	29.1
Penggunaan *Buy Now Pay Later*	Tidak pernah	50	58.1
	Pernah	36	41.9

JADUAL 2 Tempoh Penggunaan dan Jumlah Bayaran Ansuran Bulanan

ITEM	KATEGORI	BILANGAN (n= 36)	PERATUS (%)
Tempoh Penggunaan	Kurang dari setahun	26	72.2
	1-2 tahun yang lalu	5	13.9
	3-4 tahun yang lalu	2	5.6
	> 4 tahun	3	8.3
Jumlah Bayaran Ansuran Bulanan	< RM250	30	83.3
	RM 251 – RM 500	3	8.3
	RM 501 - RM 750	0	0
	RM 751 – RM 1000	1	2.8
	> RM 1000	2	5.6

JADUAL 3 Tahap kesedaran mahasiswa terhadap penggunaan kaedah pembayaran *Buy Now, Pay Later* (BNPL)

ITEM SOALAN	PERATUS JAWAPAN BETUL (%)
Buy Now Pay Later (BNPL) membolehkan pengguna mendapatkan barangan terlebih dahulu dan membayar kemudian.	98.8
Perkhidmatan *Buy Now Pay Later* (BNPL) cenderung meningkatkan risiko pengguna terjerumus ke dalam hutang	98.8
Pengguna *Buy Now Pay Later* (BNPL) yang lewat membuat pembayaran akan dikenakan denda.	97.7
Tempoh pembayaran bagi perkhidmatan *Buy Now Pay Later* (BNPL) boleh disesuaikan mengikut kemampuan kewangan pengguna.	96.5

JADUAL 4 Persepsi terhadap penggunaan kaedah pembayaran *Buy Now Pay Later* (BNPL)

TAHAP PERSEPSI	KEKERAPAN (N=86)	PERATUS (%)
Negatif	35	40.7
Neutral	37	43.0
Positif	14	16.3

Tahap kesedaran yang tinggi ini selari dengan kajian Wahid & Siti Aisyah (2020) yang menekankan bahawa peningkatan literasi kewangan dalam kalangan individu akan memperkukuh keupayaan mereka untuk menterjemah pelbagai terminologi serta isu kewangan yang kompleks dalam konteks kehidupan seharian. Oleh itu, kebolehan responden mengenal pasti konsep asas BNPL membuktikan bahawa mereka memiliki asas ilmu kewangan yang mencukupi untuk mengendalikan teknologi kewangan masa kini.

Selain itu, kesedaran responden terhadap implikasi jangka panjang juga sangat tinggi, dimana 98.8% daripada mereka mengakui bahawa penggunaan BNPL tanpa kawalan berisiko menyebabkan bebanan hutang yang serius. Keupayaan mahasiswa untuk menilai perkaitan antara kemudahan dan risiko kewangan ini membolehkan seseorang itu menjadi lebih peka terhadap impak setiap keputusan kewangan yang diambil (Wahid & Siti Aisyah 2020). Hal ini turut diperkukuhkan dengan dapatan oleh Podin et al. (2025) yang menyatakan bahawa risiko bebanan kredit ini sering dikaitkan dengan kekurangan kesedaran kewangan serta tahap disiplin kendiri yang rendah semasa membuat keputusan pembelian. Tanpa kawalan perancangan yang strategik dalam menguruskan sumber kewangan, individu berisiko mendedahkan diri kepada kesulitan hutang yang akhirnya akan menjejaskan kesejahteraan kewangan mereka pada masa hadapan.

Seterusnya, kajian mendapati pengetahuan teknikal mengenai struktur kos adalah sangat memberangsangkan, dengan 97.7% responden menyedari kewujudan denda bagi yang lewat membuat pembayaran dan 96.5% memahami fleksibiliti tempoh bayaran yang ditawarkan. Penguasaan terhadap maklumat terperinci ini amat penting bagi menjamin keselamatan kewangan penggunaan. Menurut Podin et al. (2025), pemahaman yang mendalam mengenai caj tambahan dan syarat perkhidmatan menjadi faktor penting yang membezakan kecerdasan penggunaan teknologi dengan kegagalan pengurusan kredit, terutamanya bagi golongan generasi Z. Secara amnya, maklumat yang menyeluruh ini mencerminkan kualiti literasi kewangan mahasiswa FSK yang kompeten, namun keberkesanan pengetahuan tersebut sangat bergantung kepada disiplin yang tinggi bagi memastikan setiap perbelanjaan dilakukan secara berhemah

Bagi tahap persepsi, majoriti responden mempunyai persepsi di tahap neutral (43.0%) diikuti oleh persepsi negatif (40.7%) terhadap penggunaan sistem BNPL (Jadual 4). Dapatan ini menunjukkan bahawa secara umumnya, mahasiswa masih mengekal sikap berhati-hati, ragu dan tidak sepenuhnya menerima platform ini sebagai instrumen kewangan utama mereka. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Osman et al., (2024) yang menyatakan bahawa sikap skeptikal ini berpunca daripada kebimbangan pengguna terhadap penggunaan BNPL dalam mencetuskan perangkap hutang baru. Ditambah pula dengan ciri-ciri BNPL yang memudahkan transaksi boleh menggalakkkan perbelanjaan impulsif yang tidak terkawal, yang akhirnya akan menjejaskan kestabilan aliran tunai pengguna dalam jangka masa panjang. Di samping itu, tahap kesedaran yang amat tinggi serta diiringi sikap berhati-hati yang dominan dalam kalangan responden ini, mencerminkan pengaruh latar belakang akademik mereka. Mahasiswa aliran sains

kesihatan lazimnya dilatih dengan pendekatan berasaskan bukti (penilaian risiko yang teliti, dan pemikiran analitikal dalam menilai hubungan sebab-akibat). Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang membuktikan bahawa individu dengan kecenderungan kognitif dan numerasi yang kukuh, seperti pelajar aliran sains dan STEM, mempamerkan tahap keengganan risiko serta keengganan berhutang yang lebih tinggi terhadap instrumen kredit pengguna berbanding populasi umum (Luksander et al. 2014, Lusardi & Mitchell 2014, Balloch et al. 2015). Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian kecil responden (16.3%) yang mempunyai persepsi positif terhadap penggunaan kaedah pembayaran *Buy Now, Pay Later* (BNPL). Kumpulan ini cenderung melihat BNPL dari sudut fungsi dan kemudahannya disebabkan oleh proses kelulusannya yang cepat. Hal ini disokong oleh Juita et al. (2023) yang menyatakan bahawa individu yang mempunyai keyakinan tinggi dalam pengurusan kewangan peribadi melihat fleksibiliti yang ditawarkan oleh BNPL sebagai satu kemudahan untuk menguruskan komitmen bulanan.

Selain itu, bagi golongan yang mempunyai akses terhad kepada sistem perbankan tradisional, BNPL berfungsi sebagai alternatif pembiayaan yang lebih inklusif. Menurut Podin et al. (2025) BNPL menyediakan ruang bagi individu yang yang tidak layak medapat kredit konvensional untuk tetap mempunyai akses kepada pembiayaan, sekaligus merapatkan jurang kemudahan akses kewangan dalam kalangan pengguna. Secara keseluruhannya, perbezaan persepsi ini menunjukkan bahawa walaupun BNPL menawarkan pendekatan baharu dalam mendapatkan bantuan kewangan, faktor literasi kewangan dan kawalan diri tetap menjadi penentu utama kepada penerimaan pengguna. Tahap persepsi yang cenderung kepada neutral dan negatif mencerminkan keperluan untuk kawal selia yang lebih ketat bagi melindungi pengguna daripada terjebak dengan risiko hutang yang melampau.

Analisis korelasi Spearman menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang lemah antara tahap pengetahuan dan persepsi mahasiswa FSK UKM terhadap penggunaan kaedah pembayaran BNPL ($r=0.198$, $p>0.05$). Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian oleh Badri dan Aziz (2024), yang mendapati wujud hubungan positif yang lemah antara literasi kewangan digital dan kesejahteraan kewangan yang mempengaruhi persepsi penggunaan BNPL. Keselarasan dapatan ini mencadangkan bahawa walaupun literasi atau tahap pengetahuan kewangan mempunyai kaitan dengan persepsi terhadap BNPL, pengaruh tersebut adalah terhad dan bukan faktor dominan dalam menentukan sikap serta persepsi pengguna, khususnya dalam kalangan golongan muda. Walaupun hubungan antara tahap pengetahuan dan persepsi terhadap penggunaan BNPL adalah lemah, dapatan ini tidak menafikan kewujudan faktor-faktor luaran lain yang berpotensi mempengaruhi pembentukan persepsi pengguna. Menurut Hisham et al. (2025), pengaruh sosial seperti saranan rakan sebaya, norma sosial, serta pendedahan berterusan melalui media sosial memainkan peranan yang lebih besar dalam mempengaruhi persepsi dan tingkah laku penggunaan BNPL berbanding tahap pengetahuan individu. Dalam konteks mahasiswa, pendedahan kepada promosi digital serta pengalaman rakan sebaya boleh membentuk persepsi bahawa BNPL merupakan kaedah pembayaran yang mudah, selamat dan menguntungkan, walaupun tahap pengetahuan kewangan adalah sederhana atau rendah. Tambahan pula, kajian oleh Sarifuddin (2025) mengenal pasti bahawa fleksibiliti pembayaran merupakan antara pemacu utama penggunaan BNPL. Fleksibiliti ini merangkumi kemudahan pembayaran secara ansuran, tempoh bayaran yang boleh disesuaikan serta penangguhan bayaran tanpa tekanan kewangan secara serta-merta. Ciri-ciri ini menjadikan BNPL lebih menarik kepada golongan pelajar yang lazimnya mempunyai sumber kewangan terhad dan pendapatan yang tidak tetap. Oleh itu, persepsi terhadap BNPL dalam kalangan mahasiswa lebih dipengaruhi oleh ciri praktikal dan kemudahan penggunaan berbanding tahap pengetahuan mengenai risiko atau implikasi kewangan jangka panjang pembayaran *Buy Now, Pay Later* (BNPL)

Hasil analisis *Fisher-Freeman-Halton Exact Test* menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara elaun bulanan peribadi mahasiswa FSK UKM dengan persepsi mereka terhadap kaedah pembayaran BNPL ($p=0.177$). Terdapat dapatan kajian terdahulu yang mengaitkan status sosioekonomi dan pendapatan dengan persepsi positif terhadap kemudahan kredit. Secara tradisinya, individu berpendapatan tinggi dijangka mempunyai penilaian yang lebih positif terhadap instrumen kredit kerana kemampuan membayar ansuran lebih stabil (Di Maggio et al. 2022). Pengguna berpendapatan rendah sering menggunakan kemudahan ansuran sebagai alat pencairan tunai jangka pendek, terutamanya dalam tempoh ketidaktentuan kewangan (Ji et al. 2023). Namun, hasil kajian mencadangkan bahawa faktor kewangan seperti elaun bulanan bukan faktor utama dan tidak berkesan sebagai peramal yang kuat untuk menentukan persepsi mahasiswa terhadap penggunaan BNPL. Elaun bulanan mungkin tidak mencerminkan keadaan kewangan sebenar kerana ia tidak mengambil kira komitmen hutang, sokongan keluarga atau tingkah laku perbelanjaan. Percanggahan ini membuka ruang kepada interpretasi bahawa persepsi terhadap BNPL lebih dipengaruhi oleh faktor lain, seperti tahap literasi kewangan, sikap terhadap hutang dan pengaruh persekitaran sosial.

Literasi kewangan merupakan istilah yang membawa maksud keupayaan seseorang individu

memahami dan menguruskan hal-hal berkaitan kewangan dengan baik dan bijak (Dewan Bahasa Dan Pustaka 2005). Tahap literasi yang lebih tinggi membawa kepada lebih banyak penglibatan dalam perancangan kewangan peribadi. Hal ini demikian kerana individu pempunyai pengetahuan kewangan dan mampu membuat keputusan kewangan yang lebih berkesan. Tambahan pula, mekanisme BNPL yang menekankan ansuran kecil, proses kelulusan pantas dan ketiadaan faedah awal boleh mencetuskan ilusi kemampuan walaupun bagi mereka dengan sumber kewangan terhad. Menurut Hayashi dan Routh (2025), mekanisme ini mendorong pengguna untuk meremehkan beban kewangan sebenar, seterusnya meningkatkan risiko perbelanjaan berlebihan dan juga dikaitkan dengan tekanan kewangan, seperti kelewatan bayaran dan ketiadaan simpanan kecemasan. Dalam konteks mahasiswa dan Generasi Z, pengaruh gaya hidup digital dan norma sosial juga memainkan peranan penting. Platform digital kini dibanjiri dengan kandungan yang mempromosikan gaya hidup mewah, yang dilihat boleh direalisasikan melalui kaedah BNPL. Akibatnya, golongan ini lebih cenderung terjebak dengan pembelian impulsif dan berbelanja melebihi kemampuan, memandangkan struktur bayaran ansuran BNPL berjaya mengurangkan persepsi terhadap beban kos sebenar sesuatu pembelian. Laporan berita oleh Azizan (2025) melaporkan kes mahasiswa yang dibelenggu hutang akibat penggunaan BNPL secara tidak terkawal, walaupun tidak mempunyai pendapatan tetap. Perkara ini mengukuhkan perbincangan bahawa walaupun faktor kewangan tidak mempengaruhi persepsi mahasiswa terhadap BNPL secara statistik, perbelanjaan impulsif dan risiko hutang wujud sebagai fenomena sosial sebenar yang dipacu oleh faktor tingkah laku dan persekitaran digital.

LIMITASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang perlu diambil perhatian. Pertama, data responden yang diperoleh agak terhad iaitu seramai 86 orang sahaja responden berbanding populasi keseluruhan seramai 341 pelajar Fakulti Sains Kesihatan. Saiz sampel yang kecil ini mungkin tidak mewakili pandangan keseluruhan pelajar FSK secara menyeluruh, sekali gus mengehadkan keupayaan untuk menggambarkan secara keseluruhan dapatan kajian kepada seluruh populasi pelajar di fakulti ini. Selain itu, terdapat ketidakseimbangan dari sudut demografi jantina di mana majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan. Dominasi satu jantina dalam data ini menyebabkan perspektif kajian lebih cenderung kepada pandangan wanita, manakala persepsi dan tingkah laku perbelanjaan pelajar lelaki terhadap penggunaan sistem BNPL mungkin tidak dapat digambarkan secara menyeluruh atau mendalam.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan satu paradoks yang menarik di mana tahap pengetahuan mahasiswa mengenai BNPL adalah sangat tinggi, terutamanya berkaitan risiko hutang dan denda lewat bayar. Walau bagaimanapun, analisis statistik membuktikan bahawa tahap pengetahuan yang tinggi ini tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan persepsi mereka terhadap penggunaan BNPL. Pengetahuan teknikal tidak menjadi penentu sama ada seseorang pelajar itu bersikap positif atau negatif terhadap kemudahan ini. Hasil ujian statistik mengesahkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara jumlah elaun bulanan dengan persepsi. Mahasiswa daripada pelbagai latar belakang kewangan mempunyai pandangan yang hampir sama. Majoritinya bersikap neutral dan berhati-hati (negatif) terhadap penggunaan BNPL. Sikap skeptikal ini adalah petanda bahawa mahasiswa sedar akan risiko "perangkap hutang" yang mungkin timbul. Walaupun pelajar mempunyai literasi kewangan yang baik, cabaran utama kini adalah menguruskan tingkah laku kewangan agar tidak tewas dengan pembelian impulsif yang didorong oleh kemudahan transaksi tanpa tunai. Oleh itu, pendidikan kewangan masa hadapan wajar memberi tumpuan kepada aspek disiplin diri dan pengurusan psikologi kewangan, melangkaui sekadar pengetahuan asas mengenai produk kewangan

RUJUKAN

Al-Qudah, A. A., Al-Okaily, M., Shiyyab, F. S., Taha, A. A. D., Almajali, D. A., Masa'deh, R., & Warrad, L. H. 2024. Determinants of digital payment adoption among Generation Z: An empirical study. *Journal of Risk and Financial Management* 17(11): 521. https://doi.org/10.3390/jrfm17110521

Aminullah, N.W. & Daud, M.A.M. 2024. Shopee Pay Later Scheme: Assessing Understanding of UiTM Dungun Student. *Jurnal 'Ulwan* 9(1): 97-108. https://ejournal.unimel.edu.my/index.php/JULWAN/article/view/1676

Ananda, P., & Pramesthi, J. A. 2025. The BNPL phenomenon: Digital consumer communication and behavior in Shopee PayLater. *Jurnal Kajian Komunikasi*. 13(2): 322-345. https://doi.org/10.24198/jkk.v13i2.64209

Azizan, S. 2025. Mahasiswa dibelenggu hutang akibat BNPL. Utusan Malaysia. https://www.utusan.com.my/berita/2025/11/mahasiswa-dibelenggu-hutang-akibat-bnpl/

Badri, B., & Aziz, A. 2024. Pengaruh literasi kewangan digital terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan pensyarah Politeknik METrO Malaysia. Dalam Prosiding International TVET Academic and Research Symposium (ITARS 3.0). Politeknik Sultan Idris Shah.

Balloch, A., Nicolae, A., & Philip, D. 2015. Stock Market Literacy, Trust, and Participation Review of Finance 19(5): 1925-1963. https://doi.org/10.1093/rof/rfu040

Bank Negara Malaysia. (2024). *Laporan tahunan 2024: Sistem pembayaran dan penyelesaian*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Binu, P. & Athira, T.V. 2025. Revolutionization of fintech in digital payment systems for a cashless economy. *International Journal of Research in Finance and Management* 8(2): 1437-1440. https://www.doi.org/10.33545/26175754.2025.v8.i2m.653

Chen, H., & Volpe, R. P. 1998. An analysis of personal financial literacy among college students. *Financial Services Review* 7(2):107–128. https://doi.org/10.1016/S1057 0810(99)80006-7

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus dewan: Edisi keempat (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Di Maggio, M., Williams, E., & Katz, J. 2022. Buy Now, Pay Later Credit: User Characteristics and Effects on Spending Patterns. National Bureau of Economic Research. https://www.nber.org/papers/w30508

El Hasan, S. S. 2025. Drivers of Buy Now Pay Later adoption in emerging markets: A qualitative exploration of Shopee PayLater users in Bogor City, Indonesia. *Dirya: Journal of Economic Management*,2(1):77. https://doi.org/10.70283/dirya.v2i1.77

Ergün, K. 2018. Financial literacy among university students: A study in eight European countries. *International Journal of Consumer Studies* 42(3):315–327. https://doi.org/10.1111/ijcs.12408

Fan, L., & Ryu, S. 2023. Financial debts and subjective well-being of young adults: An adaption of the stress process model. Journal of Consumer Affairs, 57(4), 1576–1604. https://doi.org/10.1111/joca.12560

Hayashi, F. & Routh, A. 2025. Financial constraints among Buy Now, Pay Later: Users. *Economic Review, Federal Reserve Bank of Kansas City*, May:1-18. 10.18651/ER/v110n4HayashiRouth

Hisham, N. K., Razali, N. F., Abdul Aziz, N. A., & Mohd Jamel, N. E. S. (2025). A comprehensive review of Buy Now Pay Later (BNPL): Influence factors on young consumer spending behaviour in e-commerce platform. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)* 9(17):1928-1940. https://dx.doi.org/10.47772/IJRISS.2025.914MG00145

Ipsos Malaysia. 2025. *Press release: E-commerce landscape in 2025*. Ipsos.

Ji, Y., Wang, X., Huang, Y., Chen, S., & Wang, F. 2023. Buy Now, Pay Later as liquidity insurance: Evidence from an early .experiment in China. *China Economic Review* 80:101998. https://doi.org/10.1016/j.chieco.2023.101998

Juita, V., Pujani, V., Rahim, R., & Rahayu, R. 2023. Understanding impulsive buying behaviour among Buy Now Pay Later (BNPL) users and its implication for overconsumption and the environment. *Management Analysis Journal* 12(4):433–440. https://doi.org/10.15294/maj.v12i4.75816

Lim, C. S., Tan, W. H., & Lew, H. J. 2025. An empirical analysis of Buy Now Pay Later mechanism and its impact on customer retention in digital commerce. *Journal of Entrepreneurship and Business* 13(1):133–141. https://doi.org/10.17687/jeb.v13i1.1507

Luksander, A., Béres, D., Huzdik, K., & Németh, E. 2014. Analysis of the Factors that Influence the Financial Literacy of Young People Studying in Higher Education. Public Finance Quarterly 59(2):220–241. https://ideas.repec.org/a/pfq/journl/v59y2014i2p220-241.html

Lusardi, A., & Mitchell, O. S. 2014. The economic importance of financial literacy: Theory and evidence. *Journal of Economic Literature* 52(1):5–44. 10.1257/jep.37.4.137

Lusardi, A., & Mitchell, O. S. 2023. The Importance of Financial Literacy: Opening a New Field. *Journal of Economic Perspectives* 37(4):137–154.10.1257/jep.37.4.137

Malaysia Fintech Report. 2025. Malaysia Fintech Report 2025: Consumer adoption of digital payments and BNPL services. Kuala Lumpur: Fintech News Malaysia

Nor Syahidah, N. & Norasmah, O. 2017. Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan Dengan Tahap Literasi Kewangan. *Journal of Global Business And Social Entrepreneurship (GBSE)* 1(1):183-193.

Osman, I., Ariffin, N. A. M., Yuraimie, M. F. N. M., Ali, M. A., & Akbar, M. A. F. N. 2024. How Buy Now, Pay Later (BNPL) is shaping Gen Z's spending spree in Malaysia. *Information Management and Business Review* 16(3): 657-674. https://doi.org/10.22610/imbr.v16i3(I)S.4092

Park, J. & Ihm, J. 2026. Why Financial Literacy Matters for Dental Students: Reducing Debt Account Aversion to Improve Debt Management. *Journal of Dental Education* 90(8):1237-1244. https://doi.org/10.1002/jdd.70211

Podin, N., Yusoff, N. T. I., Ng Rong Jie, Abd Halim, S. N., Amran, N. F. A., & Mohd Fakhruddin, F. (2025). Exploring the Impacts of Buy Now, Pay Later (BNPL) Payment Method among Millennials and Generation Z in Malaysia *International Journal of Research and Innovation in Social Science* 9(6):6488-6503. https://dx.doi.org/10.47772/IJRISS.2025.906000487

Rafdi, N. J., Bakar, N. S., Ahmad Sabri, S. & Roshadi, A. A. 2023. Faktor yang mempengaruhi pengurusan kewangan mahasiswa prasiswazah: Kajian kes di Universiti Islam Selangor. *Journal of Management & Muamalah* 13(2): 60-69. https://doi.org/10.53840/jmm.v13i2.156

Razali, M. F. 2023. Kajian terhadap faktor penerimaan pengguna berkaitan penggunaan e-dompet daripada perspektif warga universiti di bandar dan luar bandar. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

Sarifuddin, S. 2025. Buy now, pay later or pain later? A qualitative study on the adoption of BNPL and financial risks among Generation Z consumers in Klang Valley. *International Journal of Social Policy and Society* 21:73-89. https://ijsps.ism.gov.my/index.php/IJSPS/article/view/332

Singh, N., & Sahni, S. 2024. Buy Now Pay Later: Emerging technique in online shopping for attracting consumers. *ShodhKosh: Journal of Visual and Performing Arts* 5(5):532–539. https://doi.org/10.29121/shodhkosh.v5.i5.2024.4145

Wahid, H., & Siti Aisyah Zahari. 2020. Literasi Kewangan Dan Kesannya Terhadap Gelagat Perbelanjaan Mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. J*urnal Personalia Pelajar* 23(1): 27-43. https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/174

Yasmin, H. & Anuar, A. 2017. Tahap literasi kewangan di kalangan mahasiswa. Prosiding International Conference on Global Education V “Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity (pp. 2373-2387). Padang: Universitas Ekasakti, Padang.